



Khamis – 18 Februari 2021

Utusan Malaysia

Halaman : 2

Guru masuk kampung ajar PdPR murid Orang Asli

Dari muka 1

"Kami juga memperuntukkan masa dua hingga tiga jam bagi mengajar dan memberi tunjuk ajar kepada murid-murid ini," katanya ketika ditemui semalam.

Seramai 140 daripada 156 murid SK Putra merupakan murid Orang Asli dan kesemua mereka menetap di 10 kampung Orang Asli sekitar daerah ini.

Syed Zulkafli berkata, murid-murid berkenaan tidak mempunyai peranti dan kemudahan internet yang sekali gus menyarkkan mereka mengikuti PdPR.

"Guru-guru juga perlu menghantar modul pelajaran sebanyak dua minggu sekali dengan menaiki pacuan empat roda.

"Sebelum ini mereka tinggal

di asrama namun disebabkan PKP, mereka terpaksa pulang dan tinggal di rumah masing-masing. Mereka kelihatan seronok apabila guru-guru ini datang malah dengan cara ini mereka juga lebih bersemangat kerana boleh bertanya dengan guru-guru secara bersemuka," katanya.

Bagi Araida Debis, kehadiran guru-guru tersebut telah memberi semangat kepada murid Orang Asli di kampung berkenaan.

"Anak saya sanggup mendaki bukit untuk ke khemah kanvas bagi mendapatkan modul dan latihan setiap dua minggu. Saya berterima kasih dengan pihak sekolah kerana mengambil berat tentang pelajaran anak-anak kami," katanya.

Tok Batin kampung berkenaan, Debis Lebong pula berkata, kampungnya tiada kemudahan internet dan kawasan untuk dijadikan lokasi pembelajaran anak-anak.

"Kebetulan bukit ini merupakan kebun durian dan pisang namun apabila kami melihat kawasan ini ada liputan internet jadi saya memaklumkan kepada murid Orang Asli di sini untuk menggunakan bukit ini.

"Kami menyediakan khemah kanvas dan tikar untuk mereka belajar. Kami berharap dapat khemah yang lebih baik bagi membolehkan anak-anak ini lebih selesa, kami juga mahu anak-anak ini berjaya," katanya yang berharap perkara berkenaan mendapat perhatian pihak bertanggungjawab," katanya.

Tekun

SYED ZULKAFLI
Syed Abdul
Karim (berdiri,
kanan)
menyertai
guru-guru
SK Putra
menghantar
modul
dan latihan
kepada
murid-murid
Orang Asli
di Kampung
Ulu Lakai,
Jelebu, Negeri
Sembilan,
semalam.
- UTUSAN/
ZAKKINA
WATI AHMAD
TARMIKI

